



**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK**



KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai sebutharga berikut:

Bil	No./ Tajuk Sebutharga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh, Masa & Tempat Taklimat
1.	PPN.PK (S) 0122/2018 (IT)	210102 dan/atau 210104 dan/atau 210107 – Membekal, menghantar, memasang, menguji dan mentauliah 1 Unit Firewall	Tarikh & Masa: 20 Julai 2018 (Jumaat) & 9.30 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat 2, Aras 1, Jabatan Perhutanan Negeri Perak

1. Kontraktor-kontraktor yang menghadiri taklimat sahaja dibenarkan mengambil dokumen sebutharga. Bagi kontraktor yang menghantar wakil, surat perwakilan hendaklah dibawa ketika taklimat. Dokumen Sebutharga boleh didapati di **Unit Teknologi Maklumat, Aras 1, Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak** mulai **20 Julai 2018** hingga sehari sebelum tarikh tutup pada waktu pejabat.
2. Sila kemukakan bersama **Sijil Pendaftaran Asal** yang dikeluarkan oleh **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan Malaysia** dan **Resit Pendaftaran dengan Jabatan Perhutanan Negeri Perak** semasa lawatan tapak untuk pengesahan.
3. Dokumen sebutharga berharga **RM 20.00 (Wang Pos atau Bank Draf)** di atas nama **“BENDAHARI NEGERI PERAK”** hanya akan dijual kepada kontraktor atau pembekal yang menghadiri Taklimat Sebutharga sahaja. Bagi kontraktor atau pembekal yang menghantar wakil, surat perwakilan yang sah sahaja diterima jabatan. Satu syarikat hanya boleh diwakili oleh seorang wakil sahaja. Wakil hendaklah Warganegara Malaysia atau Permastautin Tetap.

4. Tawaran sebutharga hendaklah dibuat berdasarkan kepada spesifikasi bekalan/perkhidmatan di **Lampiran Q** yang disertakan.
5. Dokumen sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan dimasukkan dalam sampul surat bermeteri dan ditulis **Nombor Sebutharga** berkenaan di penjuru kanan bahagian atas sampul surat tersebut dan dialamatkan kepada :

**Jabatan Perhutanan Negeri Perak,
Persiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
30020 Ipoh,
Perak.
(up: Penolong Pegawai Teknologi Maklumat)**

6. Sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga** yang disediakan di **Bilik Tender, Aras G, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Perak, Persiaran Meru Utama, Bandar Meru Raya, 30020 Ipoh, Perak.**
7. Tawaran ini akan ditutup pada **27 Julai 2018 (Jumaat), tepat jam 12.00 tengahari**. Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dilayan. Kerajaan Negeri juga tidak terikat untuk menerima sebutharga tawaran yang terendah atau sebarang sebutharga.
8. Ibu Pejabat Perhutanan Negeri Perak juga tidak bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat oleh penyebutharga sekiranya sebutharga ini dibatalkan.
9. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai sebutharga, hendaklah berurusan dengan Unit Teknologi Maklumat, Jabatan Perhutanan Negeri Perak.

**Pengarah Perhutanan Negeri
Perak Darul Ridzuan**